

27/09/2003

Kelantan menang tipis

Rokaid Chik

KELANTAN mencatat kemenangan tipis 3-2 ke atas Pahang dalam perlawanan suku akhir pertama Piala Emas Raja-Raja 2003 di Stadium Sultan Muhd IV, Kota Bharu malam tadi.

Dengan bekalan kelebihan satu gol bermakna misi anak buah Mahathir Yusoff masih belum lagi selamat apabila skuad Kijang bertandang ke Stadium Darulmakmur selepas ini.

Meskipun bertarung di depan penyokong sendiri, Kelantan gagal mengambil peluang keemasan menambah jaringan gol walaupun ruang gol Pahang sentiasa terbuka.

Gol pertama tuan rumah menjelma pada minit ke-12 hasil jaringan Mohd Hadi Ahmad, sebelum Faizal Abdullah menambah gol kedua pada minit ke-24.

Begitupun, pelawat yang tidak berputus asa mencari gol berjaya merapatkan jurang seminit kemudian menerusi Ridzuan Ahmad Shah dan berjaya menyamakan kedudukan pada minit ke-32 menerusi Rohaizad Zainal.

Namun, tuan rumah berjaya memastikan kemenangan pada minit ke-48 apabila Abdul Latif Jusoh merembat cantik yang menerjah gawang Pahang.

Tatkala Kelantan berjaya memanfaatkan kelebihan beraksi di gelanggang sendiri, Pulau Pinang pula terpaksa berputih mata apabila tewas 0-2 kepada Johor di Stadium Batu Kawan petang semalam.

Sementara itu, Selangor yang menjadi tuan rumah kepada PDRM di Padang Kelab Sukan Majlis Perbandaran Subang Jaya seri 1-1, manakala Perak yang melayan kunjungan Melaka di Stadium Lumut juga seri 1-1.